

# 50 tengah

C

15-07-2017



**ABDUL Fattah (tiga dari kanan) mengiringi Joko Widodo menemui anggota koperasi dalam majlis di Makassar, Sulawesi, Indonesia.**

**Makassar, Sulawesi, Indonesia**

## Pengukuhan kerjasama strategik wujud rangkaian perniagaan berkesan

Pengukuhan kerjasama strategik perniagaan dalam kalangan koperasi dalam semua negara ASEAN mampu mewujudkan rangkaian perniagaan yang berkesan dalam usaha memasarkan produk dan perkhidmatan koperasi serantau.

Presiden ASEAN Cooperative Organisation (ACO) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, dengan jumlah penduduk negara ASEAN 630 juta orang, potensi pasaran bagi produk dan perkhidmatan koperasi adalah begitu besar.

Abdul Fattah yang juga Presiden ANGKASA menyarankan agar setiap negara ASEAN memulakan usaha menjalin kerjasama strategik perniagaan ini meskipun dalam skala kecil pada peringkat awal dan boleh dikembangkan

dengan lebih pesat mengikut perkembangan semasa.

Beliau berkata demikian pada sesi pembentangan kertas kerja bertajuk Memperkasa Perniagaan Koperasi Serantau-Cabaran dan Peluang pada Kongres Koperasi Seluruh Indonesia Ketiga di Makassar, Sulawesi, Indonesia.

Beliau juga mengharapkan agar jalinan kerjasama perniagaan ini mencakupi pelbagai bidang termasuk perniagaan berimpak tinggi yang kini dijalankan oleh banyak koperasi serantau.

Kongress itu yang dianjurkan Dewan Koperasi Indonesia (DEKOPIN) dihadiri 13,000 pemimpin koperasi seluruh Indonesia dan dirasmikan Presiden Indonesia Joko Widodo (Jokowi) di Makassar.